

**TITAH UCAPAN RAJA MUDA PERLIS  
DYTM TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA JAMALULLAIL  
MERANGKAP TUANKU CANSELOR UniMAP  
SEMPENA SIDANG PERTAMA ISTIADAT KONVOKESYEN KALI KE-13  
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS (UniMAP)  
BERTEMPAT DI DEWAN ILMU, UniMAP PAUH PUTRA  
PADA 27 OKTOBER 2018, JAM 09.00 PAGI**

---

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

*“Raja Berdaulat, Rakyat Berilmu, Negeri Sejahtera, Perlis Maju”  
serta - ‘Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan UniMAP”.*

Alhamdulillah, Saya bersyukur ke hadrat Allah Aza Wajalla, kerana dengan limpah kurnia dan inayahNya juga, maka dapatlah kita bersama-sama di pagi yang sungguh indah lagi berbahagia ini.

Tahniah diucapkan kepada semua baik graduan pasca siswazah mahupun penerima ijazah sarjana muda kerana berjaya menamatkan pengajian masing-masing.

Tahniah juga kepada semua ibu bapa, waris dan seisi keluarga di atas dorongan berterusan yang diberikan kepada para graduan.

Marilah kita sama-sama berikan satu tepukan gemuruh kepada anda semua!

Saya juga ingin mengucapkan penghargaan khas kepada:

- Yang Berbahagia Profesor Emeritus Dato' Ir Dr. Zainai Mohamed, penerima Ijazah Kehormat Doktor Kejuruteraan (Hon.D.Eng), dan
- Yang Berusaha Encik Amirudin Abd Kadir, penerima Ijazah Kehormat Sarjana Kejuruteraan (Hon.M.Eng).

Sesungguhnya, kedua-dua tokoh ini merupakan antara kelompok insan hebat yang menyumbangkan idea dan kepakaran masing-masing dalam membantu memacu kejayaan UniMAP pada hari ini.

Sekali lagi marilah sama-sama kita berikan tepukan kepada kedua-dua tokoh ini!

Hadirin sekalian,

UniMAP merupakan sebuah Institusi yang amat dekat di hati Saya, yang mana tahun ini merupakan tahun ke-13 Saya mengurniakan Ijazah kepada para graduan. Adalah sesuatu yang membanggakan apabila melihat universiti yang kita sayangi ini terus memacu kegemilangan demi memartabatkan agenda pendidikan negara.

Saya dimaklumkan, berdasarkan penarafan *QS Rankings Asia* Edisi 2019 yang baru diumumkan pada 24 Oktober 2018, UniMAP sekali lagi mencatatkan kejayaan bersejarah dengan menduduki ranking 201 Universiti Terbaik Asia. Ini merupakan pencapaian terbaik UniMAP dalam tempoh 5 tahun disenaraikan dalam Sistem Penarafan QS Asia, berbanding pada tahun lalu di tangga 223. Kejayaan ini dikukuhkan lagi melalui kadar kebolehpasaran graduan UniMAP yang tinggi melepas kadar 80% pada setiap sesi konvokesyen.

Saya dengan penuh kesyukuran mengucapkan syabas dan tahniah kepada Pengurus serta seluruh Ahli Lembaga Pengarah Universiti, Naib Canselor, Timbalan-Timbalan Naib Canselor, Pengurusan Tertinggi serta seluruh warga Universiti atas komitmen jitu yang diberikan dalam meningkatkan reputasi UniMAP di persada dunia dan berharap agar kerja keras ini harus diteruskan supaya lebih banyak kecemerlangan akan diperolehi lagi di masa hadapan.

Hadirin sekalian,

Selepas 16 tahun penubuhan, kemasukan pelajar ke UniMAP semakin menunjukkan peningkatan. Dengan memberi fokus kepada bidang Kejuruteraan dan Teknologi di samping turut menawarkan beberapa program perniagaan dan komunikasi, UniMAP sewajarnya terus agresif menjadi pembina modal insan yang bakal menjadi pemain industri yang berkebolehan di masa akan datang.

Hadirin sekalian,

Kita boleh lihat kini, seluruh dunia berada di fasa Revolusi Industri 4.0 yakni fasa inovasi industri dan penyesuaian masyarakat terhadap teknologi baharu.

Namun begitu, Saya mencadangkan agar UniMAP proaktif selangkah ke hadapan dengan mengambil inisiatif melaksanakan 'Society 5.0' yang tidak lama lagi bakal melepas Revolusi Industri 4.0. Fokus kita bukan sahaja kepada teknologi, infrastruktur dan ilmu pengetahuan seperti *Augmented Reality* (AR) dan *Artificial Intelligence* (AI) melalui *Deep Learning*, tetapi juga kepada kesannya serta manfaatnya kepada masyarakat. Ini direalisasikan dengan aktiviti penyelidikan yang berteraskan pengetahuan dan teknologi yang boleh memberi impak yang positif kepada masyarakat, InsyaAllah.

UniMAP juga seharusnya membekalkan kepakarannya mempersiapsiagakan masyarakat dalam Inovasi Disruptif atau “*Disruptive Innovation*” kerana dunia ini bukan sahaja sudah berubah, malah ia sentiasa berubah dan akan terus berubah. Maka, haluan produk, perkhidmatan dan perniagaan mestilah juga mudah untuk berubah dalam mendepani dan menangani segala cabaran akan datang.

Hadirin sekalian,

Sebagai Canselor, Saya berharap kombinasi menyeluruh dan hubungan baik pengurusan UniMAP dengan Lembaga Pengarah Universiti, pihak Kerajaan baik pusat mahupun negeri, serta pihak industri dalam dan luar negara, akan turut bersama-sama menyumbang kepada kegemilangan akademik di UniMAP menerusi perkongsian strategik yang boleh menguntungkan kedua belah pihak. Saya percaya, jika UniMAP mampu menawarkan kepakaran ahli-ahli akademik kepada ketiga-tiga pemegang taruh ini, ia akan menjadi pemangkin kepada pembangunan universiti yang lebih mantap.

Hadirin sekalian,

Mengakhiri titah, berbanyak terima kasih kepada semua pihak yang menjayakan Istiadat konvokesyen kali ini. Saya dan Tuanku Pro Canselor berdoa semoga Allah Subhanahu Wa Ta’ala memberkati majlis ini dan melindungi perjalanan para tetamu sekalian ketika pulang ke destinasi asal masing-masing.

*Mekar angsana pandang tak jemu,  
Bunganya lurus di atas para,  
Pulanglah graduan membawa Ilmu,  
Binalah bangsa bangunlah negara.*

*Mangga muda dibuat kerabu,  
Dicampur pula santan kelapa,  
Keringat si bapa kasih si ibu,  
Jangan graduan mudah terlupa.*

Dengan ini, Saya menangguhkan ‘Sidang Pertama Bagi Istiadat Konvokesyen Ke-13, UniMAP, Tahun 2018’.

Wabilahitaufik Walhidayah,  
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.  
Terima kasih.